

PERKAHWINAN PASANGAN MUDA MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

Young Couple's Marriage from the Perspective of Fiqh and Islamic Family Law in Malaysia

Muhammad Rasydan Junuh

*PhD Candidate, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
rasydanjunuh.edu@gmail.com*

Mohd Norhusairi Mat Hussin (Corresponding Author)

*Associate Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
husairi@um.edu.my*

Nina Sakinah Ahmad Rofaie

*Senior Lecturer, Department of Decision Science
Faculty of Business and Economics
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
ninasakinah@um.edu.my*

Martha Eri Safira

*Lecturer, Faculty of Shariah
Universitas Islam Negeri Ponorogo
Jl. Puspita Jaya, Pintu, Jenangan, Ponorogo 63492, Indonesia.
martha@uinponorogo.ac.id.*

ABSTRACT

Marriage trends among Muslims in Malaysia indicate that the age group of 25 to 29 years has recorded the highest rate over the past five years. However, this increase has also been accompanied by a surge in divorce rates, particularly among young couples under the age of 30 who are within the first five years of marriage.

The divorce statistics among Muslims increased again by 7.3% compared to 2023 and the total number of divorce cases to 47,577 cases compared to the previous year. This is significant challenges to family stability. Against this backdrop, this study aims to analyze the concept of marriage among young couples from a fiqh perspective, with emphasis on age, marital duration, and the legal framework in Malaysia. The study adopts a qualitative approach through the analysis of primary and secondary documents, including classical works (turath), legal provisions, academic writings, and contemporary reports. The findings reveal that young couples face multidimensional challenges with direct implications for family well-being, particularly in terms of emotional stability, economic resilience, and interpersonal relationships. Accordingly, the study proposes the need to reassess the minimum marriage age and to strengthen post-marital support programs, especially during the critical first five years. This research contributes to current discourse by offering a more contextual understanding of young couples' well-being within the framework of Islamic values and Malaysian legal provisions.

Keywords: *marriage, young couples, age, law*

PENGENALAN

Allah SAW mensyariatkan perkahwinan dengan hikmah yang sangat besar sesuai dengan fitrah manusia hidup berpasangan. Terdapat banyak dalil berhubung dengan pensyariatan perkahwinan antaranya Surah al-Nūr (24:32), Surah al-Nisā' (4:3) serta hadis-hadis Nabi SAW. Pensyariatan ini didorong dengan jaminan rezeki kepada mereka yang berkahwin sekaligus menamatkan kehidupan bujang yang berpotensi besar membawa kepada fitnah dan terdedah kepada godaan syaitan di samping memberikan kebaikan kepada kedua-dua pasangan seperti mendapat pertolongan Allah SAW, menyempurnakan sebahagian agama dan menjaga anggota badan dari melakukan maksiat kepada Allah (Wahbah al-Zuhayli, 2015: 4:15).

Islam telah meletakkan syarat-syarat dan hukum-hukum berhubung dengan perkahwinan untuk memastikan ianya dilangsungkan menurut kehendak Syarak. Walaubagaimanapun dalam soal umur untuk berkahwin, Islam tidak meletakkannya secara spesifik namun cukup bagi seseorang yang ingin melangsungkan perkahwinan apabila telah mencapai umur baligh

lelaki dan perempuan iaitu 15 tahun bagi lelaki dan seawal sembilan tahun bagi perempuan sekiranya telah keluar darah haid (Sofian B. Farid, 2016: 7). Namun demikian, perbincangan dan penetapan had umur perkahwinan menjadi tumpuan sekitar tahun 1923 di Mesir dan diikuti oleh sarjana tempatan. Hal ini bertitiktolak kepada perubahan semasa dan permasalahan-permasalahan yang timbul seperti pengabaian tanggungjawab, perceraian, penganiayaan serta kemudaratan-kemudaratan yang berlaku.

Meskipun had umur perkahwinan telahpun ditetapkan oleh undang-undang di Malaysia, namun masih terdapat kelonggaran untuk membenarkan seseorang yang tidak mencapai umur minimum untuk melangsungkan perkahwinan. Pun begitu, sehingga hari ini, kes-kes perceraian dan isu-isu kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Islam terus berlaku dan kini dilihat cenderung meningkat. Lebih membimbangkan perkara ini turut melibatkan pasangan muda yang berumur 18 hingga 30 tahun dan dalam tempoh di bawah lima (5) tahun perkahwinan yang lebih terdedah kepada pelbagai cabaran dan dugaan. Justeru, artikel ini akan menyoroti perbincangan utama perkahwinan pasangan muda merangkumi konsep perkahwinan dan definisi pasangan muda, had umur perkahwinan dan penetapan umur perkahwinan bermula dengan sejarahnya sehingga terwujud undang-undang yang menghadkan umur perkahwinan. Turut dibahaskan realiti sebenar perkahwinan pasangan muda di Malaysia serta isu-isu kekeluargaan yang berlaku.

DEFINISI PERKAHWINAN

Perkahwinan atau pernikahan berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *النكح* (*al-Nikāḥ*) atau *تزوج* (*Tazwīj*). *Al-Nikāḥ* berasal daripada kata dasar *نَكَحَ* *يَنْكُحُ نِكَاحًا وَنِكَاحًا* yang memberi maksud bernikah (Mustafā al-Khin, Mustafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajī, 1996: 11). Dari segi bahasa, nikah ialah *الضم* (*Al-Dam*) yang bermaksud bersatu dan *الجمع* (*Al-Jam’u*) bermaksud bercantum.¹ Al-Bujayrimī mengibaratkan seperti pokok yang condong bercantum antara satu sama lain (al-Bujayrimī, Sulaymān Ibn ‘Umar Ibn Muḥammad, 2008: 3:356). Selain perkataan *al-Nikāḥ*, perkataan *الزواج* (*Al-Zawāj*) juga digunakan terutama dalam kalangan orang arab yang bermaksud *الإقتران* (*al-Iqtirān*) iaitu gandingan dan *الختلاط* (*al-Ikhtilāt*) bermaksud percampuran (Wahbah al-Zuhaylī, 2015: 4:11). Kedua-dua istilah ini jika dirangkumkan dapatlah

¹ Menurut pandangan Sulaymān Ibn ‘Umar Ibn Muḥammad dalam kitab ‘*Ala al-Khatib*; Muhammad al-Zurqani al-Mālikī memberi maksud *Al-Dam* dan *Al-Tadākhul* dalam kitab *Syarh al-Zarqānī ‘alā Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik*; Al-Sarakhsī memberi maksud *Al-Damm* dari segi Syarak dalam kitab *al-Mabsūṭ*.

difahami bahawa berkumpulnya dua insan yang sebelumnya tidak memiliki pasangan kemudiannya bersatu antara satu sama lain dengan ikatan yang kukuh (Khoiruddin Nasution, 2005: 17).

Dari sudut istilah hukum, terdapat dua pandangan ulama dalam mendefinisikan perkataan *al-Nikāh* iaitu akad dan jimak. Kedua-dua ini sama ada difahami secara hakiki ataupun majazi oleh para ulama. Di sisi ahli usul dan bahasa, persetubuhan adalah makna hakiki bagi *nikāh* dan akad adalah makna majazi. Hal ini bersandarkan kepada tafsiran ayat 22 surah al-Nisā' yang melarang seseorang bernikah dengan wanita yang sudah berzina dengan bapanya (Wahbah al-Zuhaylī, 2004: 9:6514). Ini berbeza dengan pandangan ulama fiqh yang menjadikan akad sebagai makna hakiki bagi nikah dan bersetubuh adalah makna majazi.

Hal ini disokong oleh tafsiran ayat al-Quran surah al-Nūr (26:32) yang memberi makna bahawa nikah itu secara jelas adalah tidak berkait dengan persetubuhan. Begitu juga dengan hadis Nabi SAW yang menyatakan bahawa "*Tidak ada pernikahan tanpa wali dan saksi-saksi.*" (Abū al-Ḥasan 'Alī , t.t: 4:313). Ini memberi maksud bahawa nikah ialah akad yang ada kaitannya dengan wali dan saksi-saksi dan wali serta saksi-saksi mana mungkin berkait dengan persetubuhan. Kedua-dua makna ini bolehlah difahami sama ada makna hakiki nikah itu ialah *waṭ'iy* (bersetubuh) atau majazinya iaitu akad dan sebaliknya. Juga boleh dimaksudkan dengan kedua-duanya sekali (*musytarāk*) antara akad dan bersetubuh (Mohammad Som Sujimon & Abdul Basir Mohammad, 2019, 6).

Menurut para ulama dari empat mazhab, para ulama Ḥanafī mendefinisikan nikah ialah sebuah akad yang memberikan hak kepemilikan untuk bersenang-senang secara sengaja atau halalnya hubungan lelaki bersama dengan perempuan yang tidak dilarang atau dinikahi secara syariat (Wahbah al-Zuhaylī, 1989: 7:29). Para ulama Shāfi'i mendefinisikan nikah sebagai akad yang mengandungi hukum halal untuk seseorang melakukan hubungan seksual dengan lafaz nikah atau *tazwij* atau seerti dengan keduanya (al-Sharbīnī, 1958: 3:123). Al-Bujayrimī juga memberikan definisi yang sama iaitu nikah adalah akad yang mengharuskan jimak.

Muḥammad Abū Zahrah pula mendefinisikan nikah sebagai akad yang memberikan kebenaran Syarak untuk mewujudkan hubungan keluarga (suami dan isteri) antara lelaki dan perempuan serta saling menolong dan memberikan batas hak dan kewajiban masing-masing sebagai suami dan isteri (Muḥammad Abū Zahrah, 1957:19). Mazhab Ḥanbalī pula mendefinisikan nikah sebagai satu akad yang dilakukan semata-mata untuk tujuan keseronokan yang merujuk kepada bersetubuh. Mana-mana akad yang tidak bertujuan untuk

keseronokan seperti akad jual beli tidak dikira sebagai nikah (Abdul Rahmān al-Jazārī, 1999: 4:3-4).

Daripada definisi yang dikemukakan, dapatlah difahami bahawa nikah dari segi bahasa merujuk kepada dua makna iaitu akad dan persetubuhan. Istilah nikah ini juga boleh difahami sebagai penyatuan dan percantuman dua pihak iaitu suami dan isteri melalui akad yang sah dan menghalalkan persetubuhan antara kedua-duanya. Bukan sekadar itu, nikah juga menghalalkan hubungan antara seorang lelaki dan perempuan yang ajnabi untuk melakukan apa jua perkara selagi mana tidak bertentangan dengan Syarak dengan rukun dan syarat tertentu dan tiap-tiap pihak mempunyai hak dan tanggungjawab yang wajib ditunaikan seperti memberikan nafkah bagi pihak suami dan mentaati suami bagi pihak isteri berdasarkan hukum Syarak.

UMUR PERKAHWINAN MENURUT FIQH

Dalam perbahasan rukun nikah. Para ulama sangat menitik beratkan persoalan kematangan untuk mendirikan rumah tangga sehingga menetapkan had umur perkahwinan meskipun secara asasnya di dalam al-Quran dan hadis tidak menyatakan secara spesifik. al-Zuhayli umpamanya menetapkan bahawa calon suami disyaratkan kepada orang yang mempunyai keahlian untuk berkahwin iaitu mereka yang telah mencapai usia baligh, berakal dan berkeahlian mengendalikan urusan harta. Hal ini demi menjaga masalah dan menjauhkan daripada berlaku kemudaratan yang berkemungkinan daripada perubahan zaman (al-Zuhayli, 2015: 60).

Dalam al-Quran, lafaz *balagh al-nikāh* menjadi sandaran perbahasan para ulama. Firman Allah SWT:

Terjemahan: “*Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah*

kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. Dan cukuplah Allah SWT sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan).”

(Surah al-Nisa', 4: 6)

Dalam ayat ini, Hamka menafsirkan *balagh al-Nikāh* sebagai dewasa yang bukan sahaja bergantung kepada umur semata-mata malah mengambil kira kecerdasan dan kematangan berfikir (HAMKA, 1985: 4-6:266). Al-Razi dalam kitab tafsirnya Al-Kabir menyatakan bahawa tanda-tanda seseorang telah mencapai usia baligh secara umumnya melalui datangnya mimpi, tumbuhnya bulu pada anggota badan tertentu, datangnya haid dan berlaku kehamilan manakala menurut Imam Shāfi'ī, usia baligh dimulai dengan sempurnanya umur 15 tahun bagi lelaki dan Perempuan. Menurut pendapat Imam Abu Hanifah pula, bahawa seseorang yang telah mencapai usia baligh dan membolehkan seseorang melangsungkan perkahwinan ialah 18 tahun bagi lelaki dan 17 tahun bagi perempuan ('Abd al-Rahmān al-Zahari, 1985: 312).

Pendapat mazhab Mālikī pula tidak mengkhususkan lelaki dan perempuan mempunyai batas usia perkahwinan namun secara umumnya sekiranya seseorang telah menjangkau usia dewasa iaitu lingkungan 17 tahun hingga 18 tahun telah pun mencapai usia baligh dengan tanda-tanda baligh bagi lelaki iaitu mimpi basah, tumbuh bulu di bahagian kemaluan, maka mereka boleh melangsungkan perkahwinan ('Abd al-Wahhāb al Bahgdādi, 1995: 11:1174). Mazhab Hanbalī pula berpendapat bahawa tanda-tanda lelaki dan perempuan telah mencapai usia baligh ialah keluarnya air mani dalam keadaan tidur ataupun sedar, tumbuhnya bulu kemaluan yang kasar dan genap usia 15 tahun. Secara khususnya bagi perempuan, ianya mengeluarkan darah haid dan hamil.

Daripada kesemua pendapat mazhab ini dapat dirumuskan bahawa batasan umur perkahwinan tidak ditentukan melainkan dengan seseorang mencapai usia baligh² iaitu pada usia sekitar 15 tahun hingga 18 tahun sama ada lelaki atau perempuan. Dalam pada itu, had umur bagi seseorang yang ingin berkahwin bukanlah sekadar ditentukan oleh had umur sahaja malah perlu disertai dengan kematangan dan kesediaan menghadapi rumah tangga dengan sebaiknya. Penetapan umur oleh para ulama adalah bertujuan memastikan seseorang yang melangsungkan perkahwinan itu sesuai dengan kematangan diri mereka untuk membina sebuah keluarga yang baik. Ketidakmatangan

² Hal ini juga turut terpakai kepada anak perempuan yang *al-bikr* (anak dara) yang akan dikahwinkan oleh bapanya dengan mendapat keizinannya. Lihat Abi Zakariya Yahya bin Sharf al-Nawawi (2000). *Rawdah al-Talibin*, ed. Adil Ahmad Abd al-Mawjud. Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 402.

seseorang dalam mengendalikan rumah tangga membawa keretakan dalam kehidupan berkeluarga yang akhirnya gagal mencapai hikmah perkahwinan dan matlamat perkahwinan iaitu *sakinah, mawaddah dan rahmah*.

HIKMAH PENSYARIATAN PERKAHWINAN

Setiap apa yang disyariatkan mempunyai hikmah tersendiri. Perkahwinan membawa hikmah yang sangat besar dan memberi kesan kepada kehidupan manusia. Bukan sahaja untuk memenuhi fitrah manusia sebagai makhluk yang hidup berpasangan, namun jauh dari sudut itu perkahwinan memberikan kebaikan dan kemuliaan dunia dan akhirat. Hikmah perkahwinan dapat dilihat dari pelbagai aspek antaranya dari sudut memelihara kesempurnaan agama, kemasyarakatan, politik dan kesihatan.

Perkahwinan adalah jalan untuk menyempurnakan sebahagian agama iaitu dengan melaksanakan perintah Allah SWT melalui sunnah Nabi SAW yang sangat dituntut. Perkahwinan membuka pintu amalan dan ibadat yang lebih luas menerusi perlaksanaan hak-hak dan tanggungjawab suami isteri dalam berumah tangga. Firman Allah SWT:

Terjemahan: “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.”

(Surah al-Baqarah, 2: 233)

Imam Ibn Kathir dalam mentafsirkan ayat ini bahawa menjadi kawajiban kepada seorang ayah untuk melaksanakan tanggungjawabnya iaitu dengan memberi nafkah dari sudut pakaian dan makanan dengan cara yang sepatutnya (Ibn Kathir, 1999: 1:634). Dalam hadis Nabi SAW pula dinyatakan tanggungjawab dan kewajipan suami terhadap isteri serta ancaman bagi mereka yang mengabaikan tanggungjawab sebagai suami atau isteri. Mu’awiyah al Qusyairi RA telah bertanya kepada Nabi SAW:

Terjemahan: “Wahai Rasulullah, apakah hak isteri salah seorang dari kami yang menjadi kewajipan suaminya?” Baginda menjawab, “Engkau memberi makan kepadanya, jika engkau makan. Engkau memberi pakaian kepadanya, jika engkau berpakaian. Janganlah engkau pukul wajahnya,

*janganlah engkau memburukkannya, dan janganlah engkau meninggalkannya kecuali di dalam rumah.”*³

Hadis daripada Abdullah bin ‘Amr bin al-Ash pula memberi amaran terhadap mereka yang mengabaikan tanggungjawab. Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: *“Cukuplah seorang lelaki itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawabnya ke atas sesiapa yang berada di bawah penjagaannya.”*⁴

Selain kesempurnaan agama dilihat dari sudut ketaatan terhadap perintah Allah SWT, kemantapan iman dan kemuliaan akhlak juga dapat dilihat. Sebuah perkahwinan menuntut suami dan isteri untuk berusaha sedaya mungkin, berkorban apa sahaja, bersabar dengan apa jua perkara untuk melaksanakan tanggungjawab dan mempertahankan rumah tangga mereka. Kesemua ini diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT. Dalam sebuah hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda:

Terjemahan: *“Dan dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah SWT dan dinar yang kamu berikan kepada hamba (untuk membebaskan) dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu sedekahkan kepada keluargamu. Maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu sedekahkan kepada keluargamu.”*⁵

Selain itu, perkahwinan sekali gus menghalang daripada seseorang melakukan kemungkaran terhadap Allah SWT menerusi hawa nafsu yang dimiliki. Dalam hal ini, Islam memberi perhatian khusus untuk para pemuda untuk melangsungkan perkahwinan sekiranya berkemampuan sebagai cara menjaga maruah dan mengelakkan daripada terjerumus dalam kemaksiatan kepada-Nya (Muhammad Ali Qutb, 1995: 78). Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas’ud RA:

Terjemahan: *“Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu (pembiayaan) berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin). Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah*

³ Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Ash‘ath al-Sijistānī (1999). *Sunan Abū Dāwūd*. Dār al-Salām, 309, Bab Nikah, Hadis no. 2142.

⁴ Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2014). *Bulūgh al-Marām min Adillat al-Aḥkām*. Riyāḍ: Dār al-Qabas, 431, Bab Nafkah, Hadis no. 1143.

⁵ Muslim Ibn al-Ḥajjāj (t.t). *Terjemahan Sahih Muslim*. (Klang Book Centre), 180. Hadis no. 949, Klang Book Centre. Diakses pada 22 Jun 2024, <https://online.fliphtml5.com/uscyg/jcys/>

berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya (dalam membendung syahwat).”⁶

Jelas di sini bahawa sebuah perkahwinan itu mempunyai hikmah dan peranan yang sangat besar dalam menyempurnakan agama dalam diri seseorang. Hal ini menjadikan seseorang itu menempuh kehidupan mereka dengan memiliki keimanan yang jitu dan kepatuhan terhadap perintah Allah SWT menerusi pelaksanaan hak-hak dan tanggungjawab dalam berumah tangga. Perkahwinan juga melatih seseorang untuk memiliki sifat mahmudah seperti sabar, reda, berdaya tahan dan sebagainya sekaligus mengelakkan daripada terjerumus ke dalam kemaksiatan kepada Allah SWT seperti perbuatan zina, liwat, khalwat dan sebagainya. Perbuatan zina, liwat dan sumpama dengannya akan merosakkan kesucian keturunan manusia dan mendedahkan manusia kepada penyakit yang boleh menjangkiti masyarakat seperti penyakit Sipilis, AIDS dan penyakit keturunan. Kesemua ini menjurus kepada pembinaan seorang individu Muslim yang memiliki kesempurnaan dalam seluruh kehidupannya termasuk kehidupan beragama.

Dari sudut kemasyarakatan pula, perkahwinan menjadikan kehidupan manusia hidup bermasyarakat dengan jalinan yang begitu erat. Entiti masyarakat yang lebih besar lahir daripada unit kecil institusi keluarga melalui penyatuan dua buah keluarga menerusi perkahwinan. Penyatuan keluarga-keluarga ini akan membentuk jalinan melalui perkenalan antara satu sama lain yang akhirnya terbina sebuah ikatan silaturrahim atau hubungan kerabat. Ikatan inilah yang akan menjadikan manusia menjalani kehidupan yang harmoni. Mereka bukan sahaja berkenalan tetapi saling berkasih sayang, mencintai serta menghormati antara satu sama lain (Muhammad Ali Qutb, 1995: 82). Kesemua ini menjurus ke arah pembinaan sebuah masyarakat yang sejahtera, bebas daripada pecah belah dan sengketa.

Sebuah masyarakat yang baik jelas terbina daripada institusi keluarga yang baik. Kerosakan yang berlaku dalam masyarakat terbukti apabila wujud kepincangan, kerosakan dan keretakan rumah tangga. Benarlah menurut ilmu kemasyarakatan, kesejahteraan masyarakat bergantung kepada kesejahteraan keluarga (Mohammad Som Sujimon & Abdul Basir Mohammad, 2019: 14). Pembinaan masyarakat daripada institusi keluarga ini juga akan membentuk kestabilan sosial dan kebudayaan Islam dalam masyarakat untuk membentuk sebuah peradaban bagi manusia. Peranan keluarga tidak dilihat sebagai unit kecil semata-mata malah berperanan besar dalam memangkin masa depan

⁶ Muslim Ibn al-Hajjāj. *Sahih Muslim*, Kitab an-Nikah, Bab Keutamaan Menikah bagi Yang Mampu, hadis no. 3466. Diakses pada 22 Jun 2024, <https://sunnah.com/muslim:1400a>

negara dan membina peradaban agama, bangsa dan negara (Noor Hisham Md Nawi & Mazidah Muhammad, 2023: 19).

Jelaslah bahawa hikmah perkahwinan membawa kemaslahatan dan menjauhkan manusia daripada kemudaratan dalam kehidupan. Hal ini merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, kehidupan sosial, penjagaan keturunan, pembinaan peradaban dan sebagainya yang menjadi aspek penting dalam kehidupan pasangan muda sebagai pasangan yang berpotensi besar dalam membina sebuah keluarga yang baik. Hikmah pensyariaan ini mustahil dapat dicapai oleh pasangan berkahwin sekiranya kehidupan berumah tangga berlaku keretakan. Keretakan yang berlaku ini mungkin berpunca daripada ketidakstabilan ekonomi, campur tangan orang ketiga dan ketidakmatangan dalam mengendalikan rumah tangga. Hal ini jelas memberi kesan negatif kepada pasangan suami dan isteri serta menjejaskan kehidupan berkeluarga.

DEFINISI PASANGAN MUDA

Terma ‘pasangan’ adalah sinonim dengan perkataan ‘jodoh’ yang merujuk kepada pasangan hidup lelaki dan perempuan yang bertemu kemudiannya menjalinkan ikatan pernikahan (Dewan Bahasa Pustaka, t.t.). Terma ‘muda’ pula lebih sinonim dengan maksud belia sebagaimana dalam kamus Dewan Bahasa Pustaka (Dewan Bahasa Pustaka, t.t.) yang merujuk kepada seseorang yang berusia 15 hingga 30 tahun menurut Dasar Belia Negara (Kementerian Belia dan Sukan, tt). Di peringkat global, tidak ada definisi yang dipersetujui secara universal mengenai kumpulan umur belia. Walaubagaimanapun, untuk tujuan statistik tanpa menjejaskan definisi yang dibuat oleh Negara Anggota Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), umur belia ialah seseorang yang berumur antara 15 dan 24 tahun (United Nation, t.t.). Manakala di peringkat ASEAN pula, umur bagi belia ialah 15 hingga 35 tahun (Association of Southeast Asian Nations, tt). Ini termasuklah negara Brunei Darussalam yang mentakrifkan umur belia ialah seseorang yang berusia 15 hingga 35 tahun (Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara Brunei, t.t.).

Dalam kajian ini, pasangan muda merujuk kepada dua maksud iaitu umur bagi pasangan itu sendiri dan tempoh perkahwinan mereka. Umur pasangan muda merujuk kepada suami dan isteri yang berumur 16 hingga 30 tahun manakala tempoh perkahwinan pula ialah antara setahun (1) hingga lima (5) tahun. Penentuan umur maksimum bagi pasangan muda tersebut berpandukan kepada umur belia yang telah termaktub dalam Dasar Belia Negara iaitu 30 tahun dan umur minimum pula merujuk kepada umur minimum perkahwinan seseorang di Malaysia iaitu 16 tahun sebagaimana termaktub dalam Enakmen

Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Dalam pada itu, penentuan umur pasangan muda ini mengambil kira umur baligh bagi seseorang menurut pendapat para ulama sebagaimana yang dinyatakan di atas iaitu sekitar 15 hingga 18 tahun.

Bagi tempoh perkahwinan pula, pengkaji menjuruskan kepada tempoh yang lebih singkat iaitu satu (1) hingga (5) tahun kerana tempoh ini dilihat cenderung berlaku keretakan rumah tangga. Statistik menunjukkan bahawa perceraian bagi pasangan yang berkahwin dalam tempoh antara satu hingga lima tahun adalah paling kerap berlaku dengan 33.9 peratus daripada tempoh perkahwinan enam hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan 16 hingga 20 tahun (Roziana Mat Amin et al., 2022: 6). Menurut sumber yang lain, seramai 21,368 pasangan berusia 30 tahun ke bawah didaftarkan bercerai pada usia perkahwinan kurang lima tahun pada 2020 (Berita Harian, 2022). Tempoh ini dikatakan paling menduga dan kecenderungan berlakunya konflik antara pasangan adalah tinggi jika dibandingkan dengan fasa lima (5) hingga sepuluh (10) tahun, sepuluh (10) hingga lima belas (15) tahun dan lima belas (15) hingga dua puluh (20) tahun (Malaysia Gazzete, 2022). Pasangan muda juga berdepan dengan tekanan kewangan dan sukar menyesuaikan diri dalam alam yang baru (Hashim & Mahmud, 2017: 120-135). Tanggungjawab baru sebagai suami isteri dan ibu bapa memberi sedikit tekanan yang mengakibatkan kesihatan mental terjejas dalam tempoh sebegini (Rahman et al., 2019). Justeru, tempoh perkahwinan satu (1) hingga lima (5) tahun dilihat signifikan untuk dikaji dan diteroka.

Secara keseluruhannya, perkahwinan pasangan muda merujuk kepada penyatuan pasangan suami isteri yang berumur 16 hingga 30 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan setahun (1) hingga lima (5) tahun melalui akad yang sah dengan menyempurnakan syarat dan rukun-rukun sebagaimana digariskan oleh syarak. Akad ini menghalalkan persetubuhan antara keduanya serta mewajibkan bagi suami dan isteri untuk menjalankan Amanah dan tanggungjawab serta menunaikan hak-hak mereka seperti memberikan nafkah bagi pihak suami dan mentaati suami bagi pihak isteri. Kegagalan suami isteri dalam menunaikan tanggungjawab serta menguruskan rumah tangga mengakibatkan rumah tangga yang dibina berakhir dengan perceraian yang turut memberi kesan kepada kehidupan bagi setiap pasangan.

PENETAPAN HAD UMUR PERKAHWINAN

Perbincangan had umur perkahwinan begitu signifikan dan berkait rapat dengan perkahwinan pasangan muda yang merujuk kepada pasangan yang berumur

16 hingga 30 tahun. Secara asasnya, meskipun dalam kerangka fiqh tidak menetapkan had umur perkahwinan namun perbincangan bagi ketetapan had umur minima perkahwinan dalam Masyarakat Islam mula dicetus oleh al-Ittihad al-Nisa‘i al-Misri (*Feminist's Union*) sejak penubuhannya pada tahun 1923 di Mesir. Persatuan yang diketuai oleh Huda Sharawi ini menuntut Kerajaan Mesir pada ketika itu untuk menetapkan umur minima perkahwinan bagi wanita pada usia 16 tahun dan 18 tahun bagi lelaki. Cadangan ini diterima oleh Kerajaan Mesir menerusi perbincangan bersama dengan Rektor Universiti al-Azhar, Mufti Besar Mesir serta beberapa ulama kerana ianya tidak bertentangan dengan hukum Syarak. Cadangan ini kemudiannya telah diluluskan Parlimen dan dikuatkuasakan sebagai undang-undang pada tahun 1924 (Zanariah Noor, 2013: 174-175).

Di Tanah Melayu, pada awalnya penetapan had umur tidak lagi berlaku sehingga tahap keperluan mengkodifikasi undang-undang. Perbincangan ketika itu menjurus kepada keperluan amalan yang baik sahaja. Disebabkan oleh pengaruh reformasi idea di Mesir, perbincangan tentang keperluan peningkatan status wanita dalam masyarakat dibincangkan. Turut menjadi fokus utama ialah kesedaran bahawa kanak-kanak yang masih muda tidak perlu dikahwinkan melihat kepada kesan negatif dari segi sosial dan kemasyarakatan (Zanariah Noor, 2013: 174-175).

Perkara ini turut diperjuangkan oleh Fadhlullah Suhaimi sebagai tokoh awal yang membangkitkan isu kahwin muda dalam masyarakat Melayu. Kanak-kanak yang berumur 13 hingga 14 tahun tidak sesuai berkahwin kerana pada usia itu, kanak-kanak perlu didedahkan dengan ilmu pengetahuan untuk memajukan masyarakat Islam (Niamah Hj. Ismail Umar, 1998 & (Zanariah Noor, 2013). Dalam pada itu, beliau mengemukakan kemungkinan buruk yang akan berlaku sekiranya kanak-kanak dikahwinkan di usia muda antaranya ialah anak yang dilahirkan ibu muda kemungkinan tidak sihat dari segi fizikal, kurang cerdas akal nya serta kurang cerdik. Juga anak tersebut juga kemungkinan tidak mendapat pendidikan kerana ibu sendiri yang tidak mendapat pendidikan. Kesemua ini akan memberi kesan agenda pembangunan masyarakat Islam. Justeru, beliau berpendapat bahawa aspek pendidikan menjadi keperluan buat generasi muda kerana pendidikan ini akan memberi kesan kepada survival rumah tangga yang dibina. Beliau juga mencadangkan bahawa umur yang sesuai bagi wanita ialah 18 tahun dan 25 tahun bagi lelaki (Niamah Hj. Ismail Umar, 1998: 128).

Dalam dunia Islam umumnya, kesan langsung daripada pengaruh kemodenan barat dan perubahan masyarakat membuka ruang ijtihad dalam menilai semula tentang amalan perkahwinan. Perubahan masyarakat Islam iaitu

kepentingan wanita membuat pilihan sekaligus terlibat dengan masyarakat dan pembangunan negara membuka ruang perubahan hukum dalam Islam. Begitu juga dengan kanak - kanak yang dianggap boleh mendatangkan kemudaratan kepada institusi keluarga sekaligus memberi kesan kepada pembangunan negara kerana kanak-kanak perlu diberi ruang untuk meningkatkan perkembangan diri melalui pendidikan. Dari sini, usaha-usaha menetapkan had minima perkahwinan dalam masyarakat Islam dalam bentuk undang-undang diterima dan dikuatkuasakan. Undang-undang berasaskan kesimpulan hukum yang tidak terikat dengan pandangan mazhab anutan majoriti masyarakat Islam mula diperkenalkan di negara- negara Islam di Timur Tengah. Pendapat-pendapat dari mazhab-mazhab lain digunakan dan diperuntukkan dalam kodifikasi undang-undang keluarga Islam moden berasaskan kepada konsep takhayur dalam kerangka *siyasa syari 'iyyah* bersesuaian dengan masalah masyarakat semasa (Humairaa' Abdul Rahim & Anwar Fakhri Omar, 2025: 555).

Di Maghribi pula seseorang lelaki dibenarkan berkahwin ketika usia 18 tahun dan perempuan 15 tahun. Walaubagaimanapun kebenaran berkahwin boleh dipertimbangkan dengan persetujuan wali melalui rayuan kepada pihak mahkamah. Begitu juga di Mesir, mereka yang berumur bawah 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan hendaklah mendapat kebenaran khas dari mahkamah melalui permohonan (Jamal J. Ahmad Nasir, 2009: 50). Di Syria, Undang-Undang Keluarga Islam Syria menetapkan had minima perkahwinan bagi lelaki adalah 18 tahun dan perempuan 17 tahun. Penetapan ini berpegang dengan pendapat Ibn Shabramah bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah tidak sah. Pendapat ini berbeza dengan pandangan jumhur ulama yang mengharuskan perkahwinan kanak-kanak. Hal ini demi menjaga masalah kanak-kanak itu sendiri dan faktor kebimbangan kanak-kanak tersebut untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai suami dan isteri. Meskipun had umur perkahwinan di Syria ini ditetapkan namun Hakim mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan perkahwinan melibatkan lelaki berusia 15 tahun dan perempuan 13 tahun jika kedua-duanya telahpun baligh dengan bukti perubatan yang sah. Kebenaran ini juga untuk mengelakkan mereka terjebak dengan perilaku yang melanggar Syarak seperti zina (Wahbah al-Zuhayli, 1984: 7, 179, 184, 185).

HAD UMUR PERKAHWINAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, had umur perkahwinan adalah selari dengan umur perkahwinan pasangan muda iaitu bermula dengan minimum 16 tahun. Had umur ini diperuntukkan dalam dua undang-undang iaitu Akta Memperbaharui Undang-

Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 bagi orang bukan Islam yang memperuntukkan had umur minimum perkahwinan ialah 18 tahun ke atas bagi lelaki dan perempuan. Bagi orang Islam, had umur minimum perkahwinan bagi orang Islam pada asalnya dinyatakan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984. Kodifikasi undang-undang keluarga Islam ini telah memperuntukkan bahawa seseorang lelaki yang berumur kurang dari 18 tahun dan perempuan berumur 16 tahun adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat keizinan bertulis dari hakim dengan alasan-alasan tertentu.⁷

Peruntukan ini diselaras di negeri-negeri pada tahun 2000-an dengan tujuan bagi memastikan suami dan isteri pada tahap umur yang matang untuk menjalankan tanggungjawab dalam rumahtangga serta mengambil kira masalah kanak-kanak untuk tidak dikahwinkan. Peruntukan yang wujud ini adalah ruang untuk perkahwinan dilaksanakan mengikut ketetapan Syarak serta syarat-syarat lain yang perlu dipenuhi mengikut hukum Syarak. Begitu juga dengan permohonan perkahwinan di bawah ketetapan umur dalam undang-undang, Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan permohonan serta menyelidiki pihak-pihak dari segi latar belakang keadaan fizikal dan kemampuannya untuk memikul tanggungjawab sebagai suami dan isteri (Mustaqim Roslan & Hilman, A, 2025: 68). Kini, had umur perkahwinan di negeri-negeri telah melalui pindaan khususnya di negeri Selangor. Had umur minimum perkahwinan mengikut negeri dinyatakan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Had Umur Minimum Perkahwinan Mengikut Negeri di Malaysia

Negeri	Lelaki	Perempuan	Akta/Enakmen/Ordinan
Selangor	18	18	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 2/03)
Wilayah Persekutuan	18	16	Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)
Kelantan	18	16	Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 (En. 6/2002)
Terengganu	18	16	Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 (En. 12/85)
Kedah	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (K.P.U. 31/2008)

⁷ Seksyen 8, Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984.

Perlis	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 (En. 7/2006)
Pahang	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 (En. 3/05)
Pulau Pinang	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En 5/04 / En. 3)
Melaka	18	16	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 12/02)
Negeri Sembilan	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 11/03)
Johor	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 17/03)
Sarawak	18	16	Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Bab 43/2001)
Sabah	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 (En. 8/04)
Perak	18	16	Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 (En. 6/04)

Pindaan had umur perkahwinan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor adalah suatu pembaharuan dan pendekatan ke arah memastikan perkahwinan orang Islam berada dalam keadaan baik. Pindaan undang-undang ini wujud disebabkan terdapat implikasi perkahwinan bawah umur yang lebih memberikan kemudaratan kepada kanak-kanak terutama dari aspek kesihatan dan pendidikan. Pindaan ini juga bertujuan menjaga kemaslahatan semasa bagi memastikan kebajikan kanak-kanak perempuan di bawah lapan belas tahun itu dipelihara. Pindaan ini selaras dengan tafsiran kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Seksyen 8 enakmen ini telah dipinda dengan menggantikan perkataan “*Jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun.*” dengan perkataan “*Jika lelaki atau perempuan itu berumur kurang daripada lapan belas tahun.*”

Tujuan pindaan untuk menjana masalah juga dapat dilihat menerusi seksyen baharu iaitu seksyen 8A yang menggantikan subseksyen 18 (2) Enakmen Ibu iaitu EUKIS 2003 yang berkaitan dengan permohonan untuk berkahwin bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan

belas tahun. Proses permohonan bagi perkahwinan ini, perlu melepasi seluruh syarat-syarat permohonan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam seksyen tersebut selain mendapat kebenaran Hakim Syarie. Selain itu, permohonan berkahwin bagi lelaki dan perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun perlulah menyediakan suatu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta affidavit bakal isteri ataupun suami. Hal ini sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 8A (1). Butir-butir permohonan dan affidavit tersebut dinyatakan secara detil dalam seksyen 8A (2). Keseluruhannya, meskipun had umur perkahwinan antara negeri ini berbeza, namun kesemua umur yang ditetapkan telah melepasi had umur baligh seseorang menurut Syarak.

REALITI PERKAHWINAN PASANGAN MUDA DI MALAYSIA

Berdasarkan statistik perkahwinan orang Islam umur penengah antara 25 hingga 29 tahun mencatatkan perkahwinan yang tertinggi bagi lima tahun sejak tahun 2018 (Department of Statistics Malaysia, tt). Hal ini memberi gambaran jelas bahawa purata umur ini telah menjadi kebiasaan rakyat Malaysia untuk berkahwin melihat kepada beberapa faktor seperti kewangan, pendidikan dan sebagainya. Rakyat Malaysia rata-ratanya yang berusia 25 hingga 29 tahun telah pun memiliki pekerjaan dan pendapatan yang membolehkannya untuk melangsungkan perkahwinan. Namun, peningkatan jumlah perceraian antara pasangan muda di Malaysia tidak dinafikan terus meningkat. Kadar perceraian bagi pasangan berumur 30 hingga 34 tahun adalah yang tertinggi diikuti dengan pasangan berusia 25 hingga 29 tahun (Department of Statistics Malaysia, t.t.). Terbaharu direkodkan kira-kira 23 ribu pasangan muda bercerai dalam masa setahun (Kosmo Digital, 2023). Dalam pada itu, statistik perceraian bagi pasangan yang berkahwin dalam tempoh antara satu (1) hingga lima (5) tahun adalah paling kerap berlaku dengan 33.9 peratus daripada tempoh perkahwinan enam (6) tahun hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan 16 hingga 20 tahun (Roziana Mat Amin et.l, 2022: 6).

Menurut kajian oleh Psychology Today mendapati bahawa pasangan berkahwin sebelum umur 28 tahun lebih berkemungkinan bercerai berbanding mereka yang berkahwin agak lewat dalam hidup, manakala kajian pada 2013 yang menemu bual 52 pasangan bercerai turut mendapati korelasi kuat antara perkahwinan muda dengan perceraian awal (Theresa E. Di Donato, 2016). Hal ini turut dibuktikan dengan sebuah kajian oleh Solihah Mansor dan Mohd Norhusairi Mat Hussin (2023) bahawa pasangan muda cenderung bercerai dalam tempoh kurang daripada satu tahun. Hal ini turut diakui oleh

kajian Munirah Baharudin et.al (2025) bahawa pasangan usia muda antara faktor wujudnya ketidaksefahaman dalam hubungan suami dan isteri di awal perkahwinan yang menyebabkan pembubaran perkahwinan.

Perceraian yang berlaku ini memberi kesan yang mendalam kepada pasangan terutama dalam jalinan antara keluarga yang menjadi asas kepada pembinaan sebuah masyarakat yang baik. Perceraian yang berlaku ini dibimbangi sehingga memutuskan ikatan persaudaraan antara keluarga dan membawa kepada perbalahan besar, saling membenci dan berdendam serta hilangnya kasih dan sayang sebagai seorang saudara yang turut melibatkan ahli keluarga kedua-dua belah pihak. Implikasi terhadap anak-anak seperti kurangnya kasih sayang antara seorang ibu dan ayah, kemenjadian anak-anak, kewangan dan sebagainya turut terjejas. Menurut satu kajian, anak-anak yang tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa lebih cenderung untuk terlibat dalam gejala sosial. Hal ini demikian kerana mereka yang tidak mempunyai ibu atau ayah lebih sukar untuk berkomunikasi dengan baik dan komunikasi ini membantutkan proses penyelesaian masalah yang berlaku kepada anak-anak. Ini juga akan mengganggu kesihatan mental dan mengalami kesukaran psikologi yang serius kepada anak-anak untuk meneruskan kehidupan (Maryam Jameelah & Zul-kifli, 2023).

Dalam pada itu, isu sosial dalam kekeluargaan seperti keganasan rumah tangga sangat membimbangkan. Sejak tempoh kawalan pergerakan pada tahun 2020, kes keganasan rumah tangga semakin meningkat dengan mendadak daripada tahun 2020 kepada tahun 2021 kemudiannya menurun pada tahun 2022. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) kes keganasan rumah tangga yang berlaku pada tahun 2020 ialah sebanyak 3080 (Kementerian Kesihatan Malaysia, t.t.) manakala 9,334 kes keganasan dicatatkan pada tahun 2021 dan 8,580 kes pula pada tahun 2022 (Kosmo, 2023). Isu keganasan rumah tangga yang berlaku ini kebanyakannya melibatkan pasangan berumur 25 tahun dan ke atas di Johor sejak awal tahun 2021 (Utusan Malaysia Online, 2021). Begitu juga dilaporkan di Melaka, ramai pasangan kahwin muda Melaka bercerai kerana terbabit dengan keganasan rumah tangga (Melaka Hari Ini, 2022).

Di Selangor, kes keganasan rumah tangga yang berlaku adalah tertinggi berbanding negeri-negeri lain sejak 2020 hingga Ogos 2023 iaitu sebanyak 4960 kes (My Metro, 2023). Tidak boleh dinafikan lagi bahawa isu keganasan rumah tangga ini sangat memberi kesan kepada perhubungan antara kedua-dua pasangan. Kesan keganasan yang berlaku seperti ugutan, penderaan fizikal juga ekonomi ini bukan sahaja melibatkan fizikal dan tubuh badan semata-mata, malah lebih parah lagi ianya melibatkan gangguan mental dan psikologi

bagi mangsa sama ada kepada suami, isteri, kanak-kanak atau sesiapa sahaja yang boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga (Nadiah Mohamed Daud et.al, 2021: 281-282).

Masalah kesihatan mental yang melanda negara juga semakin membimbangkan (Sinar Premium, 2022) dengan statistik individu yang mendapatkan sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) meningkat lima kali ganda berbanding 2021 (Berita Harian Online, 2022). Lebih membimbangkan lagi satu per tiga daripada rakyat Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental (Berita Harian Online, 2023). Turut dialami oleh pasangan yang berkahwin adalah dari segi kekangan kewangan, ekonomi dan pengangguran. Berdasarkan Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 32, Bil. 2/2022 Jun yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah meningkat daripada 2,611.9('000) orang pada tahun 2020 kepada 2,923.8('000) pada tahun 2021 (Kementerian Sumber Manusia, t.t.). Lebih sadis apabila mereka terpaksa memilih jambatan untuk didiami selepas hilang pekerjaan (Berita Harian, 2022).

Justeru, melihat kepada isu-isu kekeluargaan yang berlaku ini. Ternyata perkahwinan bagi pasangan muda seusia ini dan berada dalam tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun sangat mencabar. Cabaran yang berlaku ini dilihat kepada dua faktor utama iaitu faktor luaran seperti kegawatan ekonomi yang berlaku sehingga menghimpit kehidupan pasangan muda, wabak yang berlaku sehingga mengubah kehidupan sosial masyarakat dan sebagainya. Begitu juga perkara ini dilihat dari faktor dalaman iaitu pasangan muda itu sendiri. Kegagalan dalam menguruskan rumah tangga termasuk ekonomi, emosi dan sebagainya menatijahkan keadaan rumah tangga yang tidak harmoni. Keadaan pasangan muda yang tidak mempunyai pengalaman dalam mengendalikan konflik rumah tangga juga turut memberi kesan kepada kehidupan berkeluarga mereka. Maka umur dan temoh perkahwinan jelas memberi memberikan kesan kepada survival kehidupan berumah tangga sama ada mendatangkan kebaikan atau mendatangkan kesan negatif terhadap hubungan antara kedua belah pihak yang akhirnya memberi kesan kepada sosial masyarakat itu sendiri.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Artikel ini menyoroti pentingnya memahami perspektif fiqh dan undang-undang dalam konteks perkahwinan pasangan muda. Meskipun Syarak tidak meletakkan secara terperinci had umur perkahwinan seseorang, namun sesebuah perkahwinan itu boleh dilangsungkan dengan syarat suami dan

isteri telah pun mencapai usia baligh. Undang-undang mentafsirkan usia baligh dengan meletakkan had umur perkahwinan dengan mengambil kira kematangan dan kemampuan suami dan isteri untuk berkahwin. Hal ini untuk menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak. Islam menekankan keperluan untuk menjaga kesejahteraan pasangan dan memastikan mereka mampu menggalas tanggungjawab perkahwinan sekali gus mencerminkan usaha untuk menyeimbangkan antara keperluan agama dan perlindungan hak asasi manusia dalam konteks perkahwinan.

Perkahwinan di usia dan tempoh ini ternyata memberi cabaran buat pasangan muda. Tren perceraian dalam kalangan pasangan muda semakin parah berdasarkan fakta dan statistik perceraian. Juga isu-isu lain yang berlaku seperti ekonomi, peluang pekerjaan, mental dan juga emosi. Kegagalan pasangan muda dalam mengendalikan rumah tangga di usia dan tempoh perkahwinan ini menyebabkan keretakan dalam rumah tangga. Lebih parah, perkahwinan ini berakhir dengan perceraian yang meninggalkan kesan negatif terhadap kedua-dua pasangan malah turut terlibat ahli keluarga. Justeru, langkah-langkah untuk memastikan perkahwinan pasangan muda akan terus berdaya tahan perlu dilaksanakan. Program pendidikan dan kesedaran mengenai tanggungjawab perkahwinan dan implikasi perkahwinan pada usia muda perlu diperluas. Ini termasuk mendidik remaja dan ibu bapa mengenai kesan jangka panjang perkahwinan awal.

Sokongan psikologi dan sosial juga perlu diwujudkan dan diperkasa bagi pasangan muda yang sudah berkahwin untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan tanggungjawab baru dan mengurangkan risiko masalah rumah tangga. Dari sudut perundangan pula, had umur perkahwinan di seluruh negeri harus dinilai dan dipinda dari semasa ke semasa. Pindaan dan penyelarasan undang-undang ini diharap membantu untuk mengurangkan kes-kes perceraian yang berlaku. Dalam pada itu, usaha Kerajaan seperti mewujudkan Indeks Kesejahteraan bagi pasangan muda dilihat menjadi keperluan sebagai indicator mengukur kesejahteraan hidup bagi pasangan muda dalam masa yang sama usaha kerjasama antara institusi agama, pendidikan, dan kerajaan untuk merumuskan dan melaksanakan polisi yang menyeluruh dan bersepadu mengenai perkahwinan khusus kepada pasangan muda harus digiatkan.

Kehidupan di alam perkahwinan yang baik memberikan pelbagai kesan positif kepada individu, keluarga, dan masyarakat secara keseluruhan. Perkahwinan yang bahagia dapat meningkatkan kesejahteraan emosi dan mental, menyediakan sokongan sosial, dan memupuk perkembangan diri yang sihat bagi seseorang individu, baik suami mahupun isteri. Kebahagiaan yang dikecapi oleh setiap anggota dalam sebuah keluarga menyumbang kepada

pembentukan keluarga yang bahagia, memberikan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan kanak-kanak, dan menyediakan struktur sokongan yang kukuh. Daripada individu, kepada kelompok keluarga, kesan perkahwinan yang baik akan menyumbang kepada kestabilan sosial, pembangunan ekonomi, dan pertumbuhan penduduk yang mapan dalam masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Raḥmān al-Zahari (1985). *al-Fiqh ‘ala Madhahib al-Arba‘ah*. Dār al-Fikr.
- ‘Abd al-Raḥmān al-Zahari (1999). *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba‘ah*. Dār al-Manar.
- ‘Abd al-Wahhāb al-Bahgdādi (1995). *Al-Ma‘unah ‘Ala Wadhhab ‘Alim Al-Madinah Al-Imam Malik Ibn Anas*. Dār al-Fikr.
- Abdul Malik Abdul Karim (1985). *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Abū al-Ḥasan ‘Alī b. ‘Umar al-Dār al-Quṭnī (t.t). *Sunan al-Dār al-Quṭnī*. t.p.
- Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Ash‘ath al-Sijistānī (1999). Sunan Abū Dāwūd . Riyād: Dār al-Salām diakses pada 22 Jun 2024, <https://online.fliphtml5.com/uscyg/zykr/>
- Al-Bujayrimī, Sulaymān Ibn ‘Umar Ibn Muḥammad (2008). *al-Bujayrimi ‘ala al-Khatib*. Dār al-Fikr.
- Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib (1958). *Mugni al-Muhtaj*. Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī.
- Association of Southeast Asian Nations. (t.t.). ASEAN Youth Development Index 2022, diakses pada 27 Disember 2023, <https://asean.org/serial/144771/>
- Department of Statistics Malaysia. (t.t). Marriage and Divorce Statistics, Malaysia, 2019-2022, diakses pada 29 November 2023, <https://dev.dosm.gov.my/portal-main/release-content/marriage-and-divorce-statistics-malaysia-2022>
- Dewan Bahasa Pustaka, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2017), entri “Pasangan & Jodoh,” Dbp.gov.my. 2017. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pasangan+jodoh>.
- Dewan Bahasa Pustaka, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2017), entri “Muda.” Dbp.gov.my.2017. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=muda>.

- Hashim, N., & Mahmud, N. (2017). Financial Stress and Marital Satisfaction among Young Couples in Malaysia. *Journal of Social Sciences*, vol.14, no. 2, 120-135.
- Harith Hisham, “5,050 wanita jadi mangsa keganasan tahun ini” *Kosmo*. 25 November 2023, diakses pada 29 November 2023, <https://tinyurl.com/47jzwtyz>
- Humairaa’, A. R., & Anwar Fakhri Omar. (2025). Reconsidering the concept of mastautin in Malaysia: A siyāsah syar‘iyyah-based framework for Islamic family law standardisation. *Jurnal Ilmiah Mizani: Wacana Hukum, Ekonomi dan Keagamaan*, vol. 12, no. 2, 551–569.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (2014). *Bulūgh al-Marām min Adillat al-Aḥkām*. Riyāḍ: Dār al-Qabas diakses pada 22 Jun 2024, <https://online.fliphtml5.com/uscyg/afak/>
- Ibn Kathīr, Abū Fidā’ Ismā‘il Ibn ‘Umar al-Qurshī al-Damashqī (1999). *Tafsīr al-Quran al-Azim*. Dār al-Ṭayyibah.
- Jamal J. Ahmad Nasir (2009). *The Islamic Law of Personal Status*. Brill.
- Jamal, Fiqa, “Ramai Pasangan Kahwin Muda di Melaka Bercerai, Terbabit Keganasan Rumah Tangga.” *Melaka Hari Ini*, 6 Mac 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.melakahariini.my/ramai-pasangan-kahwin-muda-di-melaka-bercerai-terbabit-keganasan-rumah-tangga/>.
- Kementerian Belia & Sukan. (2018). Dasar Belia Malaysia. Diakses pada 20 Januari 2023, 2018. <https://www.kbs.gov.my/info-terkini/1676-dasar-belia-malaysia.html>.
- Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara. (t.t.). Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 diakses pada 26 Disember 2023, <https://www.kkbs.gov.bn/Pages/Dasar-Belia-Negara.aspx>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (t.t.). Analisis Keganasan Rumahtangga di Malaysia Tahun 2020 diakses pada 28 November 2023, https://hq.moh.gov.my/bpkk/images/3.Penerbitan/2.Orang_Awam/5.Kesihatan_Dewasa/2.PDF/1_Analisis_Keganasan_Rumahtangga_Di_Malaysia_Tahun_2020.pdf
- Khoiruddin Nasution (2005). *Hukum Perkahwinan I*. ACADeMIA & TAZZAFA.
- Malaysia Gazette. 2022, “Kadar Perkahwinan Meningkatkan, Perceraian Menurun Tahun Lalu *Malaysia Gazette*. November 25, 2022. <https://malaysiagazette.com/2022/11/25/kadar-perkahwinan-meningkat-perceraian-menurun-tahun-lalu>

- Maryam Jameelah, S., & Zul-kifli, H. (2023). Perceraian dan kesannya terhadap anak-anak. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 6(2). <https://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles>
- Mohamad Faizal Hashim & Mohamad Faizal Hashim, "12 Kes Keganasan Rumah Tangga Libat Pasangan Umur 25 Tahun Ke Atas." *Utusan Malaysia Online*, 27 Januari 2021, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/01/12-kes-keganasan-rumah-tangga-libat-pasangan-umur-25-tahun-ke-atas/>
- Mohammad Som Sujimon dan Abdul Basir Mohammad (2019). *Fikah Kekeluargaan*. Cet. Ke-2. IIUM Pres.
- Muhammad Abū Zahrah (1957). *Al-Ahwal Al-Syakhshiyah*. Dār al-Fikr al-Arabi.
- Muhammad Ali Qutb (1995). *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid.
- Munirah Baharudin, Mohd Norhusairi Mat Hussin, & Risma Nur Arifah. (2025). Pengurusan krisis rumah tangga: Kajian di Bahagian Unit Rundingcara Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Shariah Law Research*, 10(2). <https://doi.org/10.22452/jslr.vol10no2.4>
- Muslim Ibn al-Ḥajjāj (t.t). Terjemahan Sahih Muslim. (Klang Book Centre. Diakses pada 22 Jun 2024, <https://online.fliphtml5.com/uscyg/jcys/>
- Mustafā al-Khin, Mistafā al-Bughā dan 'Alī al-Syarbajī, *Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, (Cet. Ke-3, Beirut: Dar al-Qalam, 1996) 4:11, diakses pada 27 Februari 2024, <https://online.fliphtml5.com/uscyg/tmck/1>
- Nadiah Nadiah Mohamed Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz (2021). Keganasan Rumah Tangga di Malaysia Satu Analisis Literatur," *Journal of Shariah Law Research*, vol 6, no. 2, 274-295.
- Niamah Hj Ismail Umar (1998). *Fadhlullah Suhaimi*. Selangor Progressive Publishing.
- Noor Atiqah Sulaiman, "Masalah Kesihatan Mental Membimbangkan - Khairy." *Berita Harian Online*, 10 Oktober 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1010651/masalah-kesihatan-mental- membimbangkan-khairy>.
- Noor Atiqah Sulaiman. "Makin Ramai Sakit Mental Di Malaysia." *Harian Metro. New Straits Times*, 10 Julai 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/860359/makin-ramai-sakit-mental-di-malaysia>.

- Noor Hisham Md Nawawi & Mazidah Muhammad (2023). *Pendidikan Kekeluargaan*. UMK Press.
- Norlida Akmar Idros (2023). “23,000 Pasangan Muda Bercerai Setahun.” *Kosmo Digital*, June 15, 2023, <https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/apa-sudah-jadi-pasangan-muda-senang-bercerai>.
- Nur Izzati Mohamad. “Pasangan Muda Terpaksa Pilih Bawah Jejambat Selepas Hilang Kerja.” *Berita Harian Online*, 26 Ogos 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/993023/pasangan-muda-terpaksa-pilih-bawah-jejambat-selepas-hilang-kerja>.
- Rahman, R., Ismail, S., & Wong, C. (2019). “Mental Health and Well-being among Young Married Couples in Malaysia,” *Asian Journal of Psychiatry*, vol. 42, 78-85.
- Raihan Mohd Sanusi, “Kesihatan Mental Rakyat Malaysia Membimbangkan,” *Sinar Premium*, 5 Jun 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://premium.sinarharian.com.my/article/190999/fokus/semasa/kesihatan-mental-rakyat-malaysia-membimbangkan>
- Roslan, M. M., & Hilman, A. (2025). Faktor-faktor kelulusan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berupaya: Analisis kajian kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan. *Firdaus Journal*, vol. 5, no. 1, 66-78.
- Roziana Mat Amin, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Raihanah Abdullah (2022). *Pembubaran Perkahwinan, Nusyuz dan Idah di Mahkamah Syariah. Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Selangor catat kes keganasan rumah tangga tertinggi bagi tempoh 2020 hingga ogos 2023.” *My Metro*, 28 Oktober 2023, diakses pada 16 Disember 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024541/selangor-catat-kes-keganasan-rumah-tangga-tertinggi-bagi-tempoh-2020-hingga>
- Sofian B. Farid (2016). *Safinatun Naja Beserta Terjemahan*, ed. ke-2. Darul Kutub Enterprise.
- Solihah Mansor & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2023). Divorce for marriages that are less than a year in Petaling District Shariah Court. *Journal of Shariah Law Research*, vol. 8, no. 1.
- Theresa E. Di Donato (2016). “The Best (and Worst) Ages for Couples to Get Married,” *Psychology Today*, 2016, diakses pada 18 Oktober 2023, <https://www.psychologytoday.com/intl/blog/meet-catch-and-keep/201606/the-best-and-worst-ages-couples-get-married>

- United Nation. (t.t.). Global Issues Youth, diakses pada 26 Desember 2023, <https://www.un.org/en/global-issues/youth#Who%20Are%20The%20Youth?>
- Wahbah al-Zuhaylī (1989). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dār al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhaylī (2004). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dār al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhaylī (2015). *Al-Mu'tamad Fi Al-Fiqh Al-Syafi'i*. Damshiq: Dar al-Qalam, diakses pada 27 Februari 2024, <https://online.fliphtml5.com/uscyg/eeerj/#p=1>
- Zanariah Noor (2013). Perkahwinan Kanak-Kanak dan Tahap Minima Umur Perkahwinan dalam Undang-Undang Keluarga Islam. *Jurnal Syariah* vol. 21, no. 2, 174-175.